



23 APR, 2024

## Kedai dibina atas tanah rizab sekolah diarah tutup

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

## Kedai dibina atas tanah rizab sekolah diarah tutup



PEGAWAI MBDK mengambil tindakan ke atas premis itu di Jalan Langat, Bandar Botanik, Klang semalam.

**KLANG** – Sebanyak 16 premis yang beroperasi tanpa kebenaran di tapak tanah rizab sekolah di Jalan Langat, Bandar Botanik di sini, diarah tutup serta-merta oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Pengarah Komunikasi Korporat MBDK, Norfiza Mahfiz berkata, pihaknya menerima pelbagai aduan awam mengenai kerosakan jalan akibat kenderaan keluar masuk, sistem saliran dan gangguan bunyi bising di kawasan itu.

Jelas beliau, kesemua premis itu baru-batu ini diarah member-

hentikan pemajuan dan memulihkan semula tanah kepada keadaan asal.

"Ia melibatkan kesalahan tiada Kebenaran Merancang (KM) daripada MBDK dan arahan itu selaras peruntukan Seksyen 101 (1) (v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

"Kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan telah didaftarkan di mahkamah," katanya kepada pemberita semalam.

Tambah Norfiza, operasi diketuai Timbalan Datuk Bandar

MBDK, Mohd. Zary Affendi Mohd. Arif itu turut disertai polis, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kami memandang serius perkara itu kerana melibatkan kepentingan awam dan pengabaian peraturan sebelum memulakan sesuatu pemajuan.

"MBDK akan meneruskan operasi seumpama itu secara berterusan bagi memastikan semua pihak mematuhi undang-undang yang ditetapkan," ujarnya.